



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masok Akaun) 1971

DR.105/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi menggunakan sa-jumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun perkhidmatan yang berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember, 1972.

[1hb Januari, 1972.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masok Akaun), 1971 dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada satu haribulan Januari, 1972.

Tajok ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Pada menepati peruntukan perenggan (a) Perkara 102 Perlembagaan pengeluaran wang sa-banyak tidak lebeh daripada enam ratus tujuh puluh satu juta sa-puluh ringgit (\$671,000,010) daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi bahagian tahun 1972 yang akhir sa-belum tarikh Akta Perbekalan mula berkuatkuasa bagi tahun itu ada-lah dengan ini di-benarkan untuk perkhidmatan² yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini dan banyak-nya yang di-benarkan untuk tiap² satu perkhidmatan ia-lah saperti yang di-nyatakan dalam ruang 2 Jadual tersebut.

Pengeluaran sa-banyak \$671,000,010 daripada Kumpulanwang Disatukan.

JADUAL

RUANG 1		RUANG 2
Kepala	Tajok	Banyak-nya
B. 1	Parlimen	\$ 1,500,000
B. 2	Majlis Raja-Raja	50,000
B. 3	Juru Odit Negara	1,300,000
B. 4	Surohanjaya Pilehanraya	300,000
B. 5	Surohanjaya Perkhidmatan Awam	400,000

RUANG 1		RUANG 2
Kepala	Tajok	Banyak-nya
B. 6	Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi ...	\$ 40,000
B. 7	Perdana Menteri	5,500,000
B. 8	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia ...	6,700,000
B. 9	Jabatan Kehakiman	2,400,000
B. 10	Perangkaan	2,980,000
B. 11	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah ...	80,000
B. 12	Kementerian Hal Ehwal Sarawak	120,000
B. 13	Kementerian Pertanian dan Tanah ...	21,400,000
B. 14	Kementerian Perdagangan dan Perusahaan	4,600,000
B. 15	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	2,500,000
B. 16	Muzium	220,000
B. 17	Kementerian Pertahanan	135,000,000
B. 18	Kementerian Pelajaran	182,000,000
B. 19	Jabatan Pelajaran—Malaysia Timor ...	20,000,000
B. 20	Kementerian Luar Negeri	7,700,000
B. 21	Perbendaharaan	2,500,000
B. 22	Perkhidmatan Am Perbendaharaan ...	10,100,000
B. 23	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Ter- kanun	26,600,000
B. 24	Kastam dan Eksais Di-Raja	7,000,000
B. 25	Jabatan Hasil Dalam Negeri	4,500,000
B. 26	Kementerian Kesihatan	70,000,000
B. 27	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ...	4,000,000
B. 28	Polis Di-Raja Malaysia	70,000,000
B. 29	Jabatan Imigresen	2,000,000
B. 30	Pendaftar Pertubohan	150,000
B. 31	Jabatan Pendaftaran Negara	2,000,000
B. 32	Penjara	5,400,000
B. 33	Kementerian Penerangan	3,700,000
B. 34	Jabatan Penyiaran	11,300,000
B. 35	Jabatan Penerangan	3,700,000
B. 36	Jabatan Peguam Negara	800,000
B. 37	Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musoh	350,000
B. 38	Jabatan Kebankrapan	200,000
B. 39	Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat ...	3,500,000
B. 40	Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan	900,000
B. 41	Peranchang Bandar dan Kampung ...	200,000
B. 42	Perkhidmatan Bomba	90,000
B. 43	Arkib dan Perpustakaan Negara	400,000

RUANG 1		RUANG 2
Kepala	Tajok	Banyak-nya
B. 44	Jabatan Kimia	\$ 550,000
B. 45	Jabatan Pertahanan Awam	270,000
B. 46	Jabatan Perchetakan	2,200,000
B. 47	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar	2,400,000
B. 48	Jabatan Kemajuan Kerjasama	1,700,000
B. 49	Kementerian Pengangkutan	1,000,000
B. 50	Penerbangan Awam	1,300,000
B. 51	Penerbangan Awam—Malaysia Timor ...	1,200,000
B. 52	Perkhidmatan Kajichuacha	1,000,000
B. 53	Jabatan Laut	1,000,000
B. 54	Jabatan Laut—Malaysia Timor	1,200,000
B. 55	Pengangkutan Jalan	1,300,000
B. 56	Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am	2,600,000
B. 57	Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom	17,200,000
B. 58	Perkhidmatan Pos	11,900,000
B. 59	Jabatan Talikom	10
Jumlah ...		<u>\$671,000,010</u>

HURAIAN

Oleh kerana Rang Undang² Perbekalan bagi tahun 1972 tidak akan di-pertimbangkan oleh Parlimen sa-hingga dalam bulan Januari, 1972, maka perlu-lah di-buat peruntukan perbelanjaan dalam tahun 1972 bagi tempoh dari 1hb Januari, 1972 hingga tarikh Rang Undang² Perbekalan bagi tahun itu menjadi undang². Rang Undang² ini, menurut Perkara 102 (a) Perlembagaan, bertujuan membenarkan pengeluaran wang sa-banyak enam ratus tujuh puluh satu juta sa-puluh ringgit (\$671,000,010) daripada Kumpulanwang Disatukan untuk maksud itu.

[P.N. (U²) 262.]